

57 bakal penjawat awam terbabit jenayah

Langkawi: Seramai 57 daripada 37,000 bakal penjawat awam dikesan pernah terbabit dalam pelbagai sahaja laku jenayah ketika melalui proses tapisan keselamatan, sekali gus tidak layak bekerja dalam perkhidmatan awam.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam berkata, proses tapisan keselamatan berkenaan dilakukan secara atas talian terhadap pemohon selaras untuk menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan transformasi.

Menurutnya, seramai 37,000 bakal penjawat awam ditawarkan pekerjaan dalam sektor awam untuk tempoh sepanjang tahun lalu hingga tiga bulan pertama tahun ini dengan 57 daripadanya dikesan gagal dalam tapisan keselamatan berkenaan.

"Tapisan keselamatan atas talian itu adalah antara 95 transformasi yang diperkenalkan oleh SPA bagi memastikan perkhidmatan awam berada pada tahap terbaik.



MAHMOOD (kiri) menunjukkan buku Produk 1 Malaysia Transformasi SPA kepada Mukhriz pada majlis, semalam.

"Misalnya tapisan keselamatan perlu bagi memastikan kakitangan awam di negara ini bukan dari kalangan penjenayah, penagih dadah dan mereka yang bankrap serta mengemukakan sijil palsu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-17, di sini, semalam.

Persidangan itu dirasmikan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Mahathir. Hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kedah, Datuk Wira Ismail Hamid.

Sementara itu, pada majlis sama, Mukhriz turut melancarkan buku edisi kedua terbitan SPA berjudul Produk 1 Malaysia Transformasi SPA yang bakal diedarkan untuk rujukan agensi kerajaan.

20.05.14
M/S 19

57 sangkut saringan SPA

» Sistem tapisan dalam talian elak individu tak layak dilantik ke sektor awam

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

► Langkawi

Seramai 57 bakal penjawat awam gagal melepasi tapisan keselamatan kerana pernah terbabit dalam pelbagai salah laku jenayah, sekali gus tidak layak bekerja dalam sektor awam.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam, berkata kes itu berjaya dikesan selepas SPA melaksanakan tapisan keselamatan secara atas talian terhadap setiap permohonan pekerjaan.

"SPA menyahut seruan kerajaan dan telah melaksanakan transformasi dengan melakukan tapisan keselamatan

atas talian kepada semua bakal penjawat awam di negara ini.

"Seramai 37,000 individu yang ditawarkan pekerjaan dalam sektor awam sepanjang tahun lalu dan tiga bulan pertama tahun ini telah menjalani tapisan itu, hasilnya 57 daripadanya gagal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-17 di Resort World, di sini, semalam.

Persidangan itu dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir. Yang turut hadir, Pengerusi SPA Kedah, Datuk Wira Ismail Hamid.

Tahap terbaik

Mengulas lanjut, Mahmood berkata, tapisan keselamatan atas talian itu adalah antara 95 transformasi yang diperkenalkan oleh SPA bagi memastikan perkhidmatan awam negara berada pada tahap terbaik.

"Misalnya, tapisan keselamatan perlu bagi memastikan kakitangan awam di negara ini



Mukhriz (kanan) melihat buku **Produk 1 Malaysia Transformasi SPA** yang dilancarkan di Langkawi, semalam.

[FOTO HAMZAH OSMAN/BH]

bukan dari kalangan penjenayah, penagih dadah dan mereka yang bankrap serta mengemukakan sijil palsu.

"Ini penting kerana sepanjang tahun lalu, SPA menerima lebih satu juta permohonan jawatan dan 80,000 orang daripadanya telah ditawarkan

pekerjaan dalam pelbagai sektor awam," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Mukhriz turut melancarkan buku edisi kedua terbitan SPA berjudul 'Produk 1 Malaysia Transformasi SPA' yang bakal diedarkan untuk rujukan jabatan kerajaan.